

WARNA-WARNI KEHIDUPAN

Sinar
untuk
Malaysia
Sinar

Musim bunga 'sakura Malaysia' kembali lagi di sekitar Kuala Lumpur. Mekarnya bunga pokok tekoma memberi suasana seolah-olah kita berada di Jepun yang terkenal dengan bunga sakura.




FOTO: BERNAMA

Sakura Malaysia kini kembali

Ibarat menikmati musim bunga sakura di Jepun dan Korea Selatan

Oleh FAEZAH MUDA

KUALA LUMPUR

Beberapa hari lalu, banyak perkongsian orang ramai di laman sosial mengenai musim bunga sakura yang kini memenuhi sesetengah tempat di Malaysia.

Cantik dan mendamaikan, ibarat menikmati musim bunga sakura di Jepun dan Korea Selatan. Begitulah juga suasana yang boleh digambarkan di beberapa kawasan di Kuala Lumpur pada waktu ini.

Menerusi perkongsian di Facebook Asal Gombak, beberapa foto yang dimuat naik amat mencuri perhatian warganet.

Perkongsian itu juga telah

mendapat hampir 3,500 tanda suka (like) dan hampir lebih 2,000 perkongsian.

Tulis Muhamad Zulfika: "Kan cantik tu, aku rasa baik Malaysia tanam pokok ini banyak-banyak, buat satu taman khas, mana tau akan jadi tarikan dunia, memang cantik."

Muhammad Sidqi Muhammad Naim: "Bolehlah Kemen-

terian Pelancongan promosi kepada orang luar (pelancong) bila Covid-19 reda nanti. Musim sakura di Malaysia hujung Mac setiap tahun. Pilihan lebih murah dan hangat dari Jepun."

Michiko Muhammad pula menulis: "Kalau ikut jadual negara empat musim... memang *time blossom* pun."

Sebenarnya bunga-bunga

tersebut merupakan pokok tekoma atau nama saintifiknya, *Tabebuia Rosea*.

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Hortikultur Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Sakinah Idris berkata, lazimnya bunga yang sering dijadikan hiasan landskap itu akan mula mekar selepas musim kemarau yang disusuli musim hujan.

Menurutnya, bunga berkenaan akan mekar dua kali setahun iaitu sekitar hujung Mac hingga awal April dan hujung Ogos sehingga awal September, namun ia bergantung pada tempoh musim panas dan hujan.


Sakinah yang pernah membuat kajian berkaitan tumbuhan berasal dari Amerika Tengah dan benua Amerika Selatan itu turut senada dengan pandangan masyarakat untuk memanfaatkan keindahan musim tersebut

sebagai produk pelancongan.

"Kalau di negeri utara seperti Kedah memang suasananya lagi cantik kerana cuaca kemarau yang lebih nyata dan lama, tapi di negeri lain seperti Kuala Lumpur juga kalau boleh diperbanyakkan bagi menarik minat pelancong," kata beliau.

Selain Gombak, landskap di sekitar ibu kota, antaranya di Jalan Sentul menghala ke Batu Caves dan susur keluar Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut berubah apabila pokok tekoma mula mekar mengeluarkan bunga berwarna merah jambu putih sejak minggu lalu.

Dalam pada itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga merancang menanam lebih banyak pokok berbunga seperti tekoma bagi mengindahkan kawasan ibu kota, sekali gus mempromosikannya bagi tujuan pelancongan.



Setiap tahun pada musim panas atau kemarau, pokok tekoma akan mengeluarkan bunga warna putih dan merah muda di beberapa kawasan di Kuala Lumpur.